

Semua urusan niaga kawasan itu dibekukan -. PM

Sepang diwartakan tapak lapangan terbang baru

U.M - 5 SEP 1991

Oleh
Mohd. Nor Samad

MELAKA 4 Sept. — Kawasan Sepang di Selangor yang telah dipilih sebagai tapak untuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang baru telah diwartakan dan semua urusan niaga yang melibatkan tanah di kawasan itu dibekukan, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

"Saya harap tiada siapa akan membeli tanah di kawasan itu kerana semua urusan niaga sudah dibekukan," kata Perdana Menteri. Beliau memberitahu demikian selepas mempengerusikan mesyuarat kabinet yang diadakan di sini hari ini.

Semalam, Dato' Sri Dr. Mahathir mengumumkan tentang pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa yang akan didirikan di Sepang dengan anggaran kos sebanyak \$20 ribu juta.

Beliau menjelaskan, keputusan untuk membina Lapangan Terbang Antarabangsa yang baru itu kerana Lapangan Terbang Subang dijangka tidak dapat menampung jumlah pesawat menjelang tahun 2000.

Tambahnya lagi, bilangan pesawat menjelang tahun tersebut akan bertambah banyak yang menyebabkan negara memerlukan satu lagi landasan terbang.

"Kita mempunyai pilihan sama ada untuk mengadakan satu lagi 'sunway' yang baru di Subang. Bagaimanapun kita mengambil keputusan untuk mengadakan satu lapangan terbang yang baru kerana kita tidak tahu berapa banyak lagi yang perlu dibina di masa-masa akan datang.

"Oleh itu, kita pilih Sepang," kata beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata kerajaan masih belum lagi memutuskan masa depan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang sama ada akan digunakan untuk penerbangan dalam negeri, penerbangan kargo atau untuk kegunaan tentera udara.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, perkara ini sedang dikaji.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Dr. Ling Liong Sik yang ditemui memberitahu, projek pembinaan lapangan terbang itu akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Katanya, pada masa ini, kementeriannya telah melantik sebuah firma perunding untuk mengendalikan projek tersebut termasuk membuat rekabentuk lapangan terbang yang baru itu.

Beliau menambah, kajian yang dijalankan oleh firma perunding itu dijangka selesai dalam jangkamasa enam hingga tujuh bulan lagi.

Katanya, kesesuaian pembinaan lapangan terbang itu melibatkan kawasan seluas 25,000 ekar.

Daripada keseluruhan kawasan tersebut, Dato' Sri Dr. Ling memberitahu, di antara 60 peratus hingga 70 peratus kawasan tanah itu adalah milik kerajaan.

Ditanya mengapa kerajaan memilih Sepang sebagai Lapangan Terbang Antarabangsa yang baru, beliau berkata, sebab utama ialah sebahagian besar kawasan itu adalah tanah milik kerajaan, kawasan yang rata dan ujian tanah yang dibuat mendapati kawasan itu sesuai.